

**PAS Berdolak-dalik Tentang Biometrik Untuk Kelirukan Rakyat
Bernama
Jun 28, 2011**

KUALA TERENGGANU, 28 Julai (Bernama) -- Pendirian pemimpin PAS yang berubah-ubah terhadap cadangan penggunaan biometrik pada pilihan raya umum akan datang bertujuan untuk mengelirukan rakyat.

Ahli Majlis Tertinggi Umno Dr Mohd Puad Zarkashi berkata, pemimpin parti itu seolah-olah risau mereka akan kehabisan modal jika isu itu diselesaikan lebih awal oleh kerajaan.

"Jika isu ini selesai awal, maka mereka sudah tidak ada modal untuk burukkan kerajaan sekarang dan terpaksa mencari isu baru pula," katanya kepada pemberita di sini Khamis.

Mohd Puad yang juga Timbalan Menteri Pelajaran berkata demikian selepas menutup program Nadwah Kepimpinan Islam (NKI) Sekolah Berasrama Penuh Peringkat Antarabangsa 2011 di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) Integrasi Batu Rakit di sini hari ini.

Katanya, parti itu mahu rakyat keliru dan kerana itu mereka sanggup berbuat apa sahaja untuk menyemaikan perasaan benci terhadap kerajaan untuk menumbangkan kerajaan dalam pilihan raya umum akan datang.

Oleh sebab itu katanya, apa sahaja yang dilakukan oleh kerajaan menjadi serba tidak kena pada pandangan mereka termasuk penggunaan biometrik.

"Sepatutnya mereka kena dengar dulu penjelasan SPR (Suruhanjaya Pilihan Raya) mengenai sistem itu dan buat perbandingan (dengan sistem dakwat kekal), baru tolak," katanya.

Mengenai tindakan segelintir pihak yang mencabar PAS supaya tidak bertanding dalam pilihan raya umum akan datang jika enggan menerima cadangan penggunaan biometrik, Mohd Puad menyifatkannya sebagai cadangan radikal sedangkan Barisan Nasional (BN) sentiasa terbuka dalam semua perkara.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata negara memerlukan pemimpin yang memiliki elemen 3F iaitu `fair' (adil), `firm' (tegas) dan `fearless' (tidak gentar) dalam melaksanakan dasar-dasar negara pada masa depan selain perlu ditunjangi oleh minda yang berteraskan Islam.

Katanya, ini bagi memastikan negara tidak mempunyai pemimpin yang korup kerana walaupun ramai pemimpin ketika ini mempunyai latar belakang pendidikan Islam yang baik, namun mereka tidak memiliki minda Islamik dan ini boleh membawa kepada keruntuhan negara.

Program NKI selama empat hari bermula Isnin lepas disertai 60 buah SBP dari seluruh negara dan dua buah sekolah luar negara iaitu Narathiwat School, Thailand dan SMK Lambak Kiri, Brunei.

-- BERNAMA